

06 AUG 1998

Polis-Masjid

MASJID BUKIT AMAN PUNYAI KEUNIKAN TERSENDIRI

Oleh: Shahrullizan Rusli

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Hasrat Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mempunyai masjid utamanya sendiri kini menjadi kenyataan dengan pembinaan Masjid Bukit Aman.

Masjid yang terletak di dalam perkarangan ibu pejabat PDRM di Bukit Aman itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Ia bukan sahaja untuk kegunaan anggota dan keluarga PDRM tetapi turut dibuka kepada orang awam. Masjid tiga tingkat itu boleh memuatkan 2,000 orang jemaah.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md Ali berkata masjid itu mempunyai keistimewaan tersendiri yang dijangka menjadi tarikan pelawat.

"Yang uniknya, masjid ini mempunyai kubah yang dibina tanpa dinding dan kelihatan seperti cendawan baru tumbuh," kata Kamaruddin yang juga Pengerusi Pembinaan Masjid Bukit Aman.

Kubah masjid yang berukuran pusat 40.5 meter serta tinggi 15 meter itu dikatakan yang paling besar di negara ini.

Kamaruddin berkata tarikan utama di dalam masjid bernilai RM8.3 juta itu ialah sebuah lampu "Chandelier" seberat hampir satu tan yang dibuat oleh pakar-pakar kristal.

Lampu itu, yang tergantung di tengah-tengah kubah besar, berfungsi sebagai pembalik suara untuk menimbulkan kesan dengung tanpa penggunaan alat pembesar suara.

Keindahan masjid itu bukan sekadar terletak pada rekabentuknya tetapi turut menampilkan konsep "masjid dalam taman". Ini bersesuaian dengan kedudukannya yang bersebelahan dengan Taman Tasik Perdana.

Kamaruddin berkata idea untuk membina masjid itu timbul kira-kira tiga tahun lepas semasa majlis berbuka puasa pegawai-pegawai kanan polis termasuk Timbalan Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Samsuri Arshad di surau lama Bukit Aman yang kecil dan usang.

Menyedari Bukit Aman tidak mempunyai masjidnya sendiri serta memandangkan keadaan surau yang ada telah bocor dan uzur, mereka mencadangkan sebuah surau baru dibina.

Cadangan itu mendapat perhatian Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor yang kemudian mengemukakannya kepada Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, pada bulan Jun 1995.

Projek itu mendapat perhatian Dr Mahathir dan nama masjid itu juga adalah pilihan beliau.

Setelah mendapat kelulusan, kerja-kerja pecah tanah dimulakan pada 15 Januari 1996.

Bagi memastikan projek itu siap mengikut jadual, Rahim melawat tapak pembinaan untuk meninjau sendiri perkembangannya.

Kamaruddin berkata kos pembinaan masjid itu telah dapat dijamin dengan sumbangan daripada anggota-anggota PDRM sendiri, tokoh-tokoh korporat, syarikat swasta serta negara-negara Islam yang turut menyumbangkan derma termasuk dalam bentuk peralatan.

-- BERNAMA

SLR oba